

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Undang-Undang
Sent: Sunday, May 20, 2018 2:56 PM
To: Staf - Akademik; KESKA - keskanet; Persatuan - Pegawai Iktisas; Persatuan - Sutranita; UUM - All Students
Cc: Haslida Binti Ismail
Subject: SOL ONLINE: PELAJAR TAHUN PERTAMA UNDANG-UNDANG SERLAHKAN KEMAHIRAN PENYELIDIKAN



Pusat Pengajian Undang-Undang
SCHOOL OF LAW
Universiti Utara Malaysia

20 MEI 2018 / 04 RAMADAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



SOL ONLINE: Seramai 70 orang pelajar tahun pertama Ijazah Sarjana Muda Undang-undang, Pusat Pengajian Undang-undang telah menyertai pameran poster cadangan penyelidikan pada 16 Mei 2018 bertempat di Foyer Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS), UUM. Sebanyak 14 poster telah dipamerkan dan merangkumi pelbagai aspek undang-undang seperti undang-undang jenayah, undang-undang Islam, undang-undang perbankan, undang-undang keluarga dan undang-undang pentadbiran.

Aktiviti pameran poster ini adalah sebahagian daripada penilaian salah satu kursus yang diajarkan di Pusat Pengajian Undang-undang, iaitu Skil Perundangan dan Kaedah Penyelidikan. Menurut pensyarah yang mengajar kursus ini, Dr. Ani Munirah Mohamad, dalam kursus ini, pelajar-pelajar didedahkan dengan teori dan praktis kaedah penyelidikan. Mereka selanjutnya diberikan panduan untuk membuat pemilihan topik penyelidikan masing-masing, mengenalpasti permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian, serta menetapkan metodologi kajian yang bersesuaian dengan topik yang telah dipilih. Cadangan penyelidikan tersebut seterusnya ditampilkan dalam bentuk pameran poster.

Salah seorang pelajar yang menyertai pameran ini, Mariessa Ann a/p Selvaraj, menyatakan: “Kami mempelajari banyak perkara daripada aktiviti penghasilan poster ini. Kami membuat kajian mengenai kedudukan hukuman mati menurut undang-undang Malaysia dan beberapa negara lain, dan menunjukkan hasil pembacaan kami dalam bentuk poster.”

Seorang peserta lain, Muhammad Irsyad Mohamad Hassan, menyatakan: “Ini adalah pengalaman pertama kami menyertai pameran poster. Bukan sahaja kami belajar menghasilkan cadangan penyelidikan undang-undang, tapi kami juga belajar kemahiran komunikasi sesama ahli kumpulan dan kemahiran menjawab soalan daripada juri yang menilai pembentangan kami.”

Ketua Jabatan di Pusat Pengajian Undang-undang, Dr. Mohammad Azam Hussain, melahirkan rasa gembira dengan hasil kerja pelajar-pelajar tahun pertama tersebut. Katanya: “Pihak Pusat Pengajian Undang-undang sentiasa menyokong usaha pembudayaan penyelidikan di kalangan pelajar, terutamanya daripada peringkat awal pengajian ijazah sarjana muda. Adalah diharapkan usaha ini akan bermanfaat dan pelajar-pelajar akan terus menanam minat untuk menghasilkan penyelidikan undang-undang yang berkualiti pada masa hadapan.”

Sekian.

Pejabat Dekan (Dean Office)

Pusat Pengajian Undang-undang (School of Law)

UUM College of Law, Government & International Studies (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : 04-9288101 | Faks: 04-9288107 | Email : sol@uum.edu.my



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.